



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



# Hari Kualiti & Inovasi Perkhidmatan 2017



**Inovasi Mengilham Masa Depan Gemilang**

- **10 November 2017**  
Pusat Kebudayaan dan Kesenian  
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia



**Inovasi Mengilham Masa Depan Gemilang**

# Sekapur Sireh

السَّلَامَةُ عَلَيْكُمْ مَرْحُمَاتُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur kerana memberikan ruang untuk saya menulis sepatah dua kata dalam buku program Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan 2017 peringkat UPM.

Bersempena dengan tema pada tahun ini “Inovasi Mengilham Masa Depan Gemilang” ia adalah amat bersesuaian dengan UPM yang merupakan salah sebuah universiti penyelidikan terkemuka di Malaysia bagi memainkan peranan dan sumbangan yang penting dan signifikan. Sekarang, kita berada pada abad ke-21 dan suasananya amat berbeza dengan tahun sebelumnya. Globalisasi dan revolusi teknologi maklumat telah membuka banyak ruang untuk perkembangan inovasi. Senario sosioekonomi dunia telah berubah ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan sebagai enjin pertumbuhan. Senario ini dapat dilihat apabila pelaburan yang besar telah mula beralih kepada aktiviti berintensif pengetahuan seperti R&D, penyelesaian dan harta intelek. Kerjasama dan sumbangan warga UPM adalah amat penting untuk mencapai matlamat ini.

Inovasi yang merupakan hasil daripada pemikiran kreatif, menjadi penanda aras yang menuntut kepada keupayaan penciptaan produk atau/dan perkhidmatan yang bersifat baharu, unik dan bermanfaat. Pada masa kini, kita hidup dalam komuniti global era revolusi industri 4.0 (IR 4.0) yang

dinamik dan bergolak. Gelombang *mega-trend*, termasuk perubahan pesat dalam globalisasi dan kemajuan teknologi, mencipta kuasa pasaran baharu ‘dunia tanpa sempadan’. Salah satu faktor penting untuk organisasi bertahan dan berjaya dalam persekitaran sedemikian adalah inovasi. Walau bagaimanapun, inovasi tidak lagi hanya untuk mewujudkan nilai dalam memberi manfaat kepada individu, organisasi, atau masyarakat. Tujuan utama inovasi harus lebih jauh, untuk membantu mewujudkan masa depan cemerlang dan gemilang di mana masyarakat dapat menikmati kualiti lebih baik dari sebelumnya.

Oleh itu, inovasi mesti mencari penyelesaian pintar untuk menangani masalah dan mencari pendekatan yang lebih proaktif untuk meramalkan masa depan yang tidak menentu, dan mengejar strategi untuk menghapuskan halangan kepada masa depan cemerlang dan gemilang.

Malaysia perlu memantapkan keberkesanan dan kecekapan sistem inovasi kebangsaan untuk terus bergerak pantas ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi. Pemantapan ini termasuk mempertingkatkan kerjasama dalam kalangan universiti, industri, institusi penyelidikan, firma perunding dan organisasi yang mempunyai akses kepada pengetahuan global di mana ia dapat disesuaikan dengan keperluan tempatan. Justeru, pembangunan negara perlu



menjurus kepada pembentukan massa kritikal penyelidik dan melonjakkan diri kepada tahap pencipta teknologi dalam sistem inovasi kebangsaan. Penstrukturan semula dana R&D bukan sahaja penting untuk menggiatkan aktiviti penyelidikan di negara ini, tetapi juga untuk menggalakkan pengkomersialan hasil penyelidikan melalui kerjasama rapat, terutamanya di antara pihak institusi penyelidikan dan UA, dengan syarikat swasta. Teras ini mempunyai matlamat untuk membangun dan memantapkan keupayaan penyelidikan dan inovasi di IPT supaya mampu bersaing di peringkat global.

Adalah diharapkan sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan ini akan menjadi wacana utama dalam meningkatkan tahap kefahaman, kesedaran dan penghayatan terhadap kualiti dan inovasi dalam diri setiap warga UPM yang seterusnya mengamalkan prinsip ihsan dalam melestarikan inovasi untuk mengilhamkan masa depan yang gemilang.

Sekian, terima kasih.

BERILMU BERBAKTI

**Profesor Datin Paduka Dr. Aini Ideris FASc, DSIS, PSK, KMN**  
Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia



**Teras ini mempunyai  
matlamat untuk  
membangun dan  
memantapkan  
keupayaan  
penyelidikan dan  
inovasi di IPT supaya  
mampu bersaing di  
peringkat global.**



# Seulas Pinang

السَّلَامَةُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**M**asa depan gemilang adalah arah tuju sesebuah organisasi dalam usaha untuk menjadi sebuah entiti yang berdaya saing di peringkat global. Salah satu kunci meningkatkan daya saing tersebut adalah mendorong perkembangan inovasi dalam sebuah organisasi dan negara agar mampu bersaing, baik di peringkat dalam negeri, negara, rantau dan lingkungan global. Keupayaan inovasi dalam mencapai hasrat ini dapat dibuktikan melalui keberhasilan daripada pelaksanaan inovasi itu sendiri.

Alasan mendasar bagi sesebuah organisasi memerlukan perubahan adalah kerana sesuatu yang relevan bagi organisasi telah berubah atau akan berubah disebabkan oleh faktor persekitaran dalaman dan luaran. Oleh sebab itu, organisasi tidak punya pilihan lain kecuali berubah juga bagi *survival* atau tujuan mengekalkan daya saing terhadap perubahan pasaran yang dinamik.

Inovasi adalah usaha yang dirancang oleh organisasi untuk mengembangkan produk dan perkhidmatan atau sumbangan baharu bagi kegunaan baharu atau penambahbaikan daripada yang sedia ada. Dengan melakukan inovasi, organisasi beraksi terhadap perubahan pasaran yang dinamik dan menciptakan atau mempertahankan daya saingnya.

Inovasi dapat menghasilkan kaedah yang lebih bermanfaat untuk menjimatkan kos dan mengoptimumkan hasil kerja. Ia dapat menjadi satu kuasa yang mampu mengubah cara kerja kita, membolehkan sesuatu pekerjaan menjadi lebih mudah dan menjimatkan masa. Selain itu, inovasi juga dapat mengurangkan beban kerja manusia melalui bantuan teknologi inovasi seperti komputer yang boleh mengawal mesin, jentera dan sebagainya.

Kesinambungan itu, penyebaran ilmu dan maklumat dipercepatkan melalui inovasi perisian (*hardware* dan *software*) yang mana kita dapat menyelesaikan pelbagai tugas dan tanggungjawab sepantas pergerakan masa dan di mana sahaja kita berada. Ini adalah penting untuk mempertingkatkan tahap siap siaga dalam usaha menyampaikan perkhidmatan untuk memenuhi kehendak pelanggan dengan kualiti dan mutu kerja yang cemerlang.

Transformasi Nasional 2050 mempunyai wawasan untuk menjadikan garis panduan dalam mencipta masa depan gemilang yang dipacu oleh inovasi untuk manfaat generasi akan datang. Tahun ini merupakan tahun ke 5 sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan yang mana turut menyokong ke arah kepentingan konsep Ihsan, iaitu universiti perlu memastikan setiap pekerja mempunyai keupayaan dan komitmen yang



tinggi terhadap tugas dalam usaha memastikan perkhidmatan yang bermakna dapat diberikan kepada para pelanggan.

Pada saat ini, peranan dan sumbangan daripada institusi pendidikan merupakan generasi milenia yang memiliki kreativiti bagi pelaksanaan inovasi dalam pendidikan dan penyelidikan. Oleh kerana itu, diperlukan cara atau strategi baharu dalam menciptakan dan menghasilkan produk baharu atau melakukan pembaikan (*tangible* mahupun *intangible*) dengan meningkatkan kemampuan kreatif daripada para penyelidik dan anggota organisasi di UPM.

Kita sudah sedia mengharungi masa depan yang gemilang melalui inovasi dan menjadi tanggungjawab kita untuk mengekal dan melestarikan kemurnian sifat inovasi itu sendiri demi menerobos dinding persaingan di peringkat global. Mudah-mudahan Allah SWT terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada seluruh warga UPM untuk terus memberi perkhidmatan cemerlang dengan keikhlasan untuk kemajuan negara dan anak bangsa.

Sekian, terima kasih.

BERILMU BERBAKTI

**Prof. Dr. Amin Ismail**

Pengarah

Pusat Jaminan Kualiti Universiti Putra Malaysia

*merangkap* Pengerusi Jawatankuasa Induk Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM 2017



**Transformasi Nasional  
2050 mempunyai  
wawasan untuk  
menjadikan garis  
panduan dalam  
mencipta masa depan  
gemilang yang dipacu  
oleh inovasi untuk  
manfaat generasi akan  
datang.**



# Atur Cara

|                   |   |
|-------------------|---|
| 8.30 pagi         | Ketibaan Jemputan/Pekerja   |
| 8.45 pagi         | Ketibaan Ahli Pengurusan Universiti   |
| 9.00 pagi         | Perarakan Masuk Ahli Pengurusan Universiti dan Pengerusi HKIP 2017  |
| 9.05 pagi         | Lagu <i>Negaraku</i><br>Lagu <i>Putra Gemilang</i><br>Ucapan Aluan Pengerusi HKIP 2017<br>Ucapan oleh Naib Canselor<br>Lafaz Ikrar Hari Inovasi   |
| 9.37 pagi         | Persembahan Pembukaan HKIP 2017 oleh 'DuoMagic Putra'   |
| 10.00 pagi        | Penyampaian Hadiah dan Anugerah HKIP 2017 <ul style="list-style-type: none"><li>• Hadiah Mencipta Tema</li><li>• Hadiah Idea Inovasi (Idea-IQ)</li><li>• Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja</li><li>• Anugerah Pengurusan Lean</li><li>• Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)</li><li>• Anugerah Inovasi Perkhidmatan</li></ul> |
| 10.35 pagi        | Persembahan Selingan Dikir Barat Inovasi Pejabat Bursar   |
| 10.45 pagi        | Sambungan Penyampaian Hadiah dan Anugerah HKIP 2017 <ul style="list-style-type: none"><li>• Anugerah Pengurusan Laman Web</li><li>• Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</li><li>• Anugerah Indeks Akauntabiliti</li><li>• Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran</li></ul>                                       |
| 11.10 pagi        | Penyampaian Hadiah Pertandingan Delegasi Kreatif Antara PTJ   |
| 11.25 pagi        | Penghargaan Putra Ihsan Q-Inovatif  |
| 11.40 pagi        | Lagu <i>Hari Inovasi UPM</i>  |
| 11.50 pagi        | Doa Penutup Majlis oleh Pengarah Pusat Islam  |
| 11.55 pagi        | Lawatan Pameran   |
| 12.15 tengah hari | Bersurai  |



# Latar Belakang

Pada 2013, UPM buat julung kalinya telah melaksanakan sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM. Majlis tersebut adalah sebagai menyahut seruan kerajaan bahawa agenda transformasi negara hendaklah berpaksikan inovasi dan kreativiti.

Pada tahun ini, majlis ini diteruskan lagi. Selain menyahut saranan kerajaan, pelaksanaan HKIP ini merupakan sebahagian daripada aktiviti peningkatan inovasi yang menyumbang kepada pencapaian Matlamat ke-5 dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020, iaitu mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus.

Penganjuran hadiah/anugerah sempena HKIP 2017 bermula pada Mac secara berterusan, sehinggalah penilaian aktiviti pada September dan Oktober, dan pemenang bagi setiap hadiah/anugerah diumumkan dan disampaikan semasa Majlis HKIP.

Terdapat 10 kategori hadiah/anugerah yang dianjurkan iaitu:

1. Hadiah Mencipta Tema HKIP;
2. Hadiah Idea Inovasi;
3. Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja (5S/ Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA));
4. Anugerah Pengurusan Lean;
5. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif;
6. Anugerah Inovasi Perkhidmatan;
7. Anugerah Pengurusan Laman Web;
8. Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
9. Anugerah Indeks Akauntabiliti; dan
10. Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran.





# Objektif dan Pelaksanaan

Secara umumnya, objektif sambutan HKIP UPM ialah:

- Meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;
- Memupuk dan memperkukuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM;
- Merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya kerja berteraskan ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan
- Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

## Hadiah Mencipta Tema HKIP

### Objektif

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan secara formal kepada pekerja UPM untuk melahirkan idea yang kreatif dan inovatif dalam mencipta tema Hari Inovasi; dan
- ii. Menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan pekerja dan memupuk semangat kerjasama menyumbang idea.

### Kaedah Pelaksanaan

Tema yang dihantar dinilai oleh Jawatankuasa Panel Penilai Hadiah Mencipta Tema HKIP untuk pemilihan tema terbaik. Tema yang dipilih diguna pakai untuk HKIP 2017. Pada tahun ini, sebanyak 15 tema telah dikemukakan daripada kalangan 11 pekerja UPM.



## Hadiah Idea Inovasi (Idea-IQ)

### Objektif

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah menyumbangkan idea inovasi/tajuk projek yang terbaik, praktikal serta berpotensi untuk diketengahkan sebagai projek Inovasi Perkhidmatan atau KIK di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ)/UPM; dan
- ii. Menggalakkan pembentukan budaya fikir yang kreatif dan inovatif dalam kalangan pekerja UPM sebagai pemangkin ke arah penghasilan produk inovasi perkhidmatan UPM berimpak tinggi.

### Kaedah Pelaksanaan

Pertandingan Idea Inovasi (Idea – IQ) adalah terbuka kepada semua pekerja UPM di mana sumbangan Idea Inovasi yang dihantar oleh pekerja UPM dinilai dari aspek kreativiti dan inovatif serta kesesuaian untuk diketengahkan serta direalisasikan sebagai projek Inovasi Perkhidmatan atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di UPM.

Sebanyak 46 penyertaan oleh pekerja UPM telah diterima dan dinilai oleh Jawatankuasa Kecil Penyelarasan dan Hadiah Idea Inovasi pada peringkat awal. Jawatankuasa telah menyenarai pendek sebanyak 17 Idea-IQ yang kreatif, relevan serta realistik bagi tujuan diketengahkan sebagai projek inovasi UPM untuk menjalani Sesi Penjelasan Idea-IQ dan seterusnya memilih 5 Idea-IQ terbaik bagi tujuan penganugerahan Hadiah Idea Inovasi Tahun 2017.



# Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja (5S/EKSA)

## Objektif

- i. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti persekitaran tempat kerja dan perkhidmatan;
- ii. Menggalak kerjasama dan membentuk budaya saling membantu secara berterusan dalam kalangan pekerja untuk mewujudkan dan mengekalkan suasana tempat kerja yang bermaklumat, bersih, kemas, teratur dan mesra pelanggan; dan
- iii. Menggalakkan persaingan sihat di antara PTJ di UPM ke arah penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pengurusan kualiti tempat kerja dan urus tadbir yang baik.

## Kaedah Pelaksanaan

Penyertaan Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja (5S/EKSA) adalah diwajibkan kepada semua PTJ yang tidak pernah mendapat pensijilan Amalan 5S/EKSA daripada mana-mana badan pensijilan. Penilaian pertandingan ini memberi tumpuan kepada perkara berikut:

- i. Pelaksanaan Amalan 5S
    - Usaha Ke Arah 5S;
    - Ruang Tempat Kerja (Pejabat); dan
    - Persekitaran Tempat Kerja.
  - ii. Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
    - Keperluan Utama Pelaksanaan
    - Ruang Tempat Kerja/Pejabat
    - Tempat Umum
- Keselamatan Persekitaran
  - Kawasan Persekitaran Jabatan
  - Tempat-tempat Khusus (Sesuai Mengikut Keperluan Agensi)

Pada tahun ini, 26 PTJ telah dinilai setelah mendapat maklum balas kesediaan 5S/EKSA. 26 PTJ tersebut adalah:

- i. Pejabat Naib Canselor;
- ii. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);
- iii. Pejabat Pendaftar;
- iv. Pejabat Bursar;
- v. Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi;
- vi. Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- vii. Fakulti Ekologi Manusia;
- viii. Fakulti Kejuruteraan;
- ix. Fakulti Pengajian Pendidikan;
- x. Fakulti Pengajian Alam Sekitar;
- xi. Fakulti Rekabentuk dan Senibina;
- xii. Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPM Kampus Bintulu);
- xiii. Institut Pengajian Sains Sosial;
- xiv. Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan;
- xv. Institut Penyelidikan Matematik;
- xvi. Pusat Alumni;





xvii. Pusat Jaminan Kualiti;

xviii. Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi;

xix. Pusat Kesihatan Universiti;

xx. Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan;

xxi. Pusat Antarabangsa;

xxii. Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser;

xxiii. Bahagian Audit Dalam;

xxiv. Perpustakaan Sultan Abdul Samad;

xxv. Kolej Kelima; dan

xxvi. Kolej Keempat Belas.



# Anugerah Pengurusan Lean

## Objektif

- i. Memberi pengiktirafan dan insentif kepada pasukan yang telah berjaya melaksanakan aktiviti Lean dan projek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ;
  - ii. Berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai aktiviti Lean dan projek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ; dan
  - iii. Memupuk budaya persaingan sihat di antara PTJ bagi tujuan penambahbaikan berterusan proses kerja di UPM.
- i. Pemilihan projek dan tujuan - pembentukan kumpulan, proses yang dipilih adalah selari dengan matlamat organisasi dan pengukuran projek;
  - ii. Penyelesaian masalah secara kreativiti dan inovasi – Alat yang digunakan untuk pemetaan proses, contoh: *value stream mapping* (VSM), proses terkini dan sebagainya;
  - iii. Analisis sebab dan akibat;
  - iv. Analisis penjimatan kos;
  - v. Kesan dan impak projek – Penyediaan laporan A3 (merangkumi impak projek); dan
  - vi. Tindakan susulan dan semakan KPI: penyeragaman.

## Kaedah Penyertaan

Penyertaan Pertandingan Leanova UPM terbuka kepada semua PTJ di UPM yang telah melaksanakan aktiviti Lean dan projek penambahbaikan.

Penilaian Pertandingan Leanova@UPM dibuat berdasarkan 9 kriteria yang telah ditetapkan, selaras dengan kriteria penilaian oleh pihak MPC seperti berikut:

Empat projek Lean telah menyertai pertandingan Leanova@UPM yang telah diadakan pada 24 Oktober 2017.



# Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif

## Objektif

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pekerja yang terlibat dengan memberi peluang kepada kumpulan KIK menyampaikan idea dan kreativiti;
- ii. Meyakinkan PTJ di UPM bahawa KIK dapat membantu menyelesaikan masalah berkaitan kerja dan seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan;
- iii. Menjadikan KIK sebagai landasan budaya kerja berkualiti; dan
- iv. Mengenal pasti wakil KIK ke pertandingan KIK di peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.

## Kaedah Pelaksanaan

Proses penilaian Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi Anugerah KIK dibuat oleh Panel Penilai yang dilantik berdasarkan 7 kriteria yang telah ditetapkan, selaras dengan kriteria penilaian oleh pihak INTAN, MAMPU dan MPC seperti berikut:

- i. Pengenalan;
- ii. Pemilihan projek dan definisi;
- iii. Analisis peluang penambahbaikan;
- iv. Penyelesaian/pelaksanaan kreatif dan inovatif;
- v. Pemantauan dan penyeragaman;
- vi. Pencapaian dan penciptaan nilai; dan
- vii. Persembahan projek.

Pembentangan projek telah dilaksanakan pada 24 Oktober 2017 untuk menentukan pemenang anugerah ini.



# Anugerah Inovasi Perkhidmatan

## Objektif

- i. Memberikan pengiktirafan secara formal kepada PTJ yang telah menunjukkan hasil inovasi;
- ii. Menggalakkan perkongsian pintar amalan terbaik yang menghasilkan inovasi;
- iii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja untuk diamalkan di PTJ;
- iv. Mengenal pasti dan memperkenalkan hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah PTJ lain; dan
- v. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Inovasi yang tidak layak menyertai anugerah ini ialah:

- i. Inovasi daripada hasil penyelidikan dan pembangunan R&D yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi;
- ii. Inovasi untuk tujuan komersial; dan
- iii. Inovasi yang sudah tidak diguna pakai/diaplikasi pada tahun dinilai.

## Kaedah Pelaksanaan

Penyertaan bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan hendaklah hasil daripada idea yang dicetuskan oleh pekerja/kumpulan pekerja PTJ di UPM. Permohonan lengkap mestilah melalui pencalonan oleh Ketua PTJ sebelum dihantar kepada pihak urus setia. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi penyelesaian masalah, peningkatan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi. Setiap PTJ boleh mencalonkan sekurang-kurangnya 1 permohonan dan maksimum 3 hasil inovasi mereka.



# Anugerah Pengurusan Laman Web

## Objektif

- i. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai laman web yang cemerlang;
- ii. Menggalakkan kerjasama dalam kalangan ahli PTJ untuk turut menyumbang kandungan pada laman web PTJ masing-masing; dan
- iii. Menjadi piawai dan contoh laman web yang cemerlang kepada seluruh PTJ di UPM.

## Kaedah Pelaksanaan

Penilaian bagi Anugerah Pengurusan Laman Web dilaksanakan melalui kaedah berikut:

- i. Semua laman web PTJ UPM akan dinilai bagi anugerah Pengurusan Laman Web;
- ii. Kriteria penilaian mengguna pakai kriteria yang dibentuk oleh Jawatankuasa Anugerah Penarafan Bintang bagi Komponen Pengurusan Laman Web PTJ;
- iii. Penilaian laman web diadakan pada Oktober dan menggunakan laman web semasa PTJ;
- iv. Penilaian laman web dijalankan oleh panel yang dilantik dan terdiri daripada pelbagai PTJ; dan
- v. Sekiranya terdapat markah yang sama pada 3 kedudukan teratas, penilaian terakhir kedudukan 3 teratas ditentukan oleh Jawatankuasa Anugerah Penarafan Bintang bagi Komponen Pengurusan Laman Web PTJ.





# Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

## Objektif

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan PTJ di UPM yang mengutamakan dan mengamalkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja serta mempunyai rekod cemerlang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja masing-masing; dan
  - ii. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang telah mencapai kecemerlangan dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerja yang merupakan sebahagian daripada usaha untuk menjadikan tempat kerja di UPM selamat dan sihat serta menjadikan amalan kerja yang selamat dan sihat sebagai satu budaya kerja bagi warga UPM.
- i. Status/Markah Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja PTJ tahun 2016;
  - ii. Penghantaran maklum balas penemuan Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja PTJ tahun 2016 mengikut tempoh; dan
  - ii. Penghantaran laporan suku tahun aktiviti JKPP-PTJ (melalui Sistem OSHONLINE atau e-mel kepada urus setia) mengikut tempoh.

## Kaedah Pelaksanaan

Penilaian Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dilaksanakan berdasarkan PTJ yang disenarai pendek iaitu PTJ yang mendapat markah cemerlang pada Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2016. PTJ yang berjaya disenarai pendek seterusnya akan dinilai mengikut kriteria penilaian dan pemarkahan seperti berikut:



# Anugerah Indeks Akauntabiliti

## Objektif

Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang telah mencapai kecemerlangan dalam aspek pengurusan kewangan yang telah dilaksanakan dengan teratur, mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan dikemas kini.

## Kaedah Pelaksanaan

Penilaian Anugerah Indeks Akauntabiliti tahun 2017 dinilai berdasarkan pengurusan aset PTJ dan juga pemerhatian pengurusan aset PTJ semasa verifikasi dijalankan. Kategori/kumpulan PTJ dibahagikan mengikut bilangan aset PTJ, iaitu:

- i. Aset dan inventori PTJ melebihi 1,200 unit;
- ii. Aset dan inventori PTJ melebihi 300 unit dan kurang dari 1,200 unit; dan
- iii. Aset dan inventori PTJ kurang dari 300 unit.

Kriteria penilaian yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. Hasil verifikasi tahun 2017;
- ii. Kerjasama dan komitmen PTJ semasa verifikasi dijalankan;
- iii. Penilaian tahap pematuhan ke atas pengurusan aset;
  - a. Kew.PA 7 dipamerkan;
  - b. Penilaian tahap pematuhan ke atas pengurusan aset lokasi sebenar sama seperti rekod FAMS;
  - c. Pengguna am sama seperti rekod FAMS; dan
  - d. ID aset ditulis dan kod bar ditampal pada aset yang sepatutnya.



# Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran

## Objektif

- i. Menilai dan mengukur prestasi PTJ bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang cemerlang;
  - ii. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul; dan
  - iii. Menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan PTJ untuk mengamalkan pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.
- ii. Komponen Transformasi (20%) yang melibatkan 3 kriteria, iaitu:
    - a. Pelaksanaan Inovasi Perkhidmatan (Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Inovasi Perkhidmatan dan Lean);
    - b. Pelaksanaan Amalan 5S/EKSA; dan
    - c. Jaringan Komuniti atau Kelestarian Hijau.
  - iii. Komponen Kepuasan Pelanggan (20%) yang melibatkan 2 kriteria, iaitu:
    - a. Kajian Kepuasan Pelanggan; dan
    - b. Piagam Pelanggan.

## Kaedah Pelaksanaan

Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran melibatkan semua PTJ, dan berpaksi kepada 3 komponen seperti berikut:

- i. Komponen Pengurusan (60%) yang melibatkan 6 kriteria, iaitu:
  - a. Indeks Akauntabiliti;
  - b. Pengurusan, Pembangunan dan Perkhidmatan Sumber Manusia;
  - c. Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
  - d. Pengurusan Laman Web PTJ;
  - e. Pengurusan Kualiti; dan
  - f. Citra Putra (KPI UPM/Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras).

Semakan dan perakuan pemenang Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran dibuat oleh Jawatankuasa Induk Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran.



# PENGHARGAAN PUTRA IHSAN Q-INOVATIF

## Pengenalan

Penghargaan Putra Ihsan Q-Inovatif merupakan satu elemen penghargaan dan terima kasih kepada warga UPM yang telah menyumbang khidmat terhadap kualiti dan inovasi perkhidmatan di UPM. Penghargaan berbentuk Sijil Penghargaan ini adalah elemen pengiktirafan baharu dalam HKIP 2017 untuk diberikan kepada pegawai berasaskan kesukarelawanan, sumbang bakti dan ihsan pegawai terhadap aktiviti pengiktirafan kualiti dan pengekaln pensijilan ISO 9001:2015, ISO 27001:2013 dan ISO 14001:2004, atau sumbangan dalam memastikan inovasi perkhidmatan UPM kekal dilaksanakan dan dimantapkan sehingga UPM diberi sekurang-kurangnya penarafan perak dalam Konvensyen KIK Universiti Awam.

## Pengiktirafan Kualiti dan Pengekaln Pensijilan

Dalam usaha pengekaln pensijilan ISO 9001:2015, ISO 27001:2013 atau ISO 14001:2004, pegawai banyak memberikan nasihat dan pandangan, melaksanakan tindakan membantu dan memantau tindakan dalam memastikan PTJ, jawatankuasa serta sekretariat berada pada landasan berasaskan keperluan standard ISO berkenaan. Kompetensi, komitmen serta ihsan tinggi pegawai membantu universiti dalam pengiktirafan kualiti dan pengekaln pensijilan sangat disanjung tinggi.

## Pembudayaan Inovasi

Inisiatif dan kesungguhan untuk membudayakan inovasi perkhidmatan di UPM dimantapkan dengan pelantikan fasilitator Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UPM, yang bertindak menunjuk ajar, memantau dan menasihati projek KIK UPM. Pegawai diamanahkan membantu untuk memastikan projek KIK mendapat sekurang-kurangnya penarafan perak, sebagaimana kriteria KIK Universiti Awam. Sebagai fasilitator, pegawai juga bertanggungjawab melatih kumpulan yang mewakili UPM bersedia dari aspek teknikal dan maklumat projek, serta kesediaan persembahan ke peringkat KIK Universiti Awam.



# LATAR BELAKANG PROJEK

## PROJEK INOVASI PERKHIDMATAN

### 1. TAJUK PROJEK: INOVASI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

**PTJ:** Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Nama Kumpulan:** putra-INODAF

**Nama Ahli Kumpulan:**

Suhana Md Chairi (Ketua)  
Haji Ahmad Fouzi Abdul Tahir  
Karmizan Zawawi  
Nor Ruhil Amal Hashim  
Noraida Ahmad  
Sharudin Shahrani  
Hanis Johari  
Azlan Ibrahim  
Mohd Husaini Amir Nik  
Dr. Suhyna Mohamad Sulaiman  
Mazitah Ahmad  
Zainor Mazwin Zainal  
Mohd. Nidzam Ismail  
Haji Suhaifi Sulaiman

#### Sinopsis Projek

Sistem e-daftar adalah sistem dalam talian bagi pelajar baharu membuat pendaftaran sebelum hadir mendaftar pada hari pendaftaran. Sistem ini merangkumi modul pendaftaran yang sebelum ini dibuat secara manual di kaunter semasa hari pendaftaran pelajar seperti pembayaran yuran, permohonan

kad pelajar, pemeriksaan kesihatan dan pengisian maklumat peribadi. Sistem telah dibangunkan oleh iDEC pada Jun 2016 dan telah diserahkan kepada Bahagian Kemasukan pada 20 Januari 2017. Sistem ini telah mula diguna pakai semasa pendaftaran pelajar baharu Asasi Sains Pertanian dan Diploma pada Mei dan Jun 2017 serta telah ditambah baik hasil daripada mesyuarat *post mortem* yang telah diadakan selepas selesai pendaftaran pelajar baharu Asasi dan Diploma. Sistem ini juga mula digunakan bagi pendaftaran pelajar baharu Bacelor sesi kemasukan 2017/2018 pada 6 September 2017 di kedua-dua kampus Serdang dan Bintulu. Sistem ini juga telah diaudit oleh auditor SIRIM bagi keperluan QMS-ISMS 2013 semasa audit SIRIM QMS-ISMS yang diadakan pada 2 Oktober 2017.

#### Impak Pelaksanaan

- i. Pengurangan tempoh menunggu dan rungutan ibu bapa kerana keseluruhan tempoh masa pendaftaran pelajar baharu hanya mengambil masa 15 minit setiap pelajar berbanding 2 jam sebelumnya;
- ii. Penjimatan masa proses pendaftaran pelajar baharu kerana tempoh keseluruhan pendaftaran hanya mengambil masa 4 jam sahaja berbanding 8 jam sebelumnya;
- iii. Penjimatan sumber (sumber manusia dan kewangan) kerana pengurangan masa dan jumlah petugas di pusat pendaftaran semasa hari pendaftaran pelajar;



- iv. Risiko kutipan yuran dikurangkan, iaitu risiko kehilangan dan salah kiraan tunai dapat dikurangkan kerana pelajar baharu perlu membayar yuran secara *online* sebelum hari pendaftaran;
- v. Jumlah kutipan yuran meningkat kerana pelajar baharu perlu menjelaskan yuran secara *online* sebelum datang mendaftar pada hari pendaftaran;
- vi. Kad pelajar dapat disiapkan dan diserahkan kepada pelajar baharu semasa hari pendaftaran berbanding 3 bulan selepas pelajar mendaftar sebelum ini;
- vii. Memudahkan pihak kolej dan fakulti membuat perancangan kerana jumlah pelajar yang setuju hadir dan mendaftar dapat diketahui terlebih awal berbanding selepas selesai hari pendaftaran sebelum ini; dan
- viii. Saringan kesihatan oleh PKU dapat dibuat lebih awal kerana rekod kesihatan pelajar telah diperolehi melalui Borang Perakuan Kesihatan yang diisi dan dihantar secara *online* sebelum hari pendaftaran.

## 2. TAJUK PROJEK: PROGRAM PUTRA EXCELLENT 2017

**PTJ:** Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar

**Nama Kumpulan:** PKPP

**Nama Ahli Kumpulan:**

Allahyarham Saheh Said (Ketua) - *al-Fatihah*

Siti Afiqah Mastor

Noor Habibah Mohamed Daud

### Sinopsis Projek

Kursus Keterampilan Graduan (Finishing School) telah dinamakan semula dengan nama Program *Putra Excellent*. Beberapa kaedah pelaksanaan termasuk penggunaan modul sedia ada, pelaksanaan kursus dan pelantikan penceramah telah dibuat penambahbaikan mulai November 2016. Program baharu ini akan dilaksanakan selama 1 hari dengan mengekalkan modul utama iaitu penulisan *resume*, komunikasi dan etika berpakaian. Pelantikan penceramah adalah daripada agensi korporat yang berpengalaman. Pelaksanaan program ini adalah lebih santai yang tidak membebankan pelajar dengan topik yang ringkas tetapi padat. Program ini juga akan ditawarkan kepada pelajar tahun 3 dan 4 di UPM. Selepas program ini, pelajar akan mengikuti temu duga secara terus dengan kerjasama CEM melalui program tahunan, iaitu *Career & Entrepreneurship Expo* yang menyediakan lebih 4,000 peluang pekerjaan kepada graduan.

### Impak Pelaksanaan

- i. Mengatasi masalah penyertaan pelajar;
- ii. Menjimatkan masa;
- iii. Menjimatkan kos;
- iv. Mengurangkan tenaga kerja; dan



- v. Pelajar dapat mengikuti temu duga secara terus selepas program dengan kerjasama CEM melalui Program *Career & Entrepreneurship Expo* setiap tahun.

### 3. TAJUK PROJEK: ALAT PENGATUR MASA PENGHAWA DINGIN (TIMER)

**PTJ:** Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

**Nama Kumpulan:** PKKSSAAS

**Nama Ahli Kumpulan:**

Mohd Khairul Zainal Abidin (Ketua)  
Muhammad Mokhtar Abdul Rahman  
Abu Sufian Babok  
Rozaimie Abdul Hamid  
Haji Abdul Kader Mohd Alias  
Norliyana Ramlee  
Muhamad Khairul Mahily  
Kamarulhelmy Kamarudin  
Rahim Hamid  
Mohd Nazari Din

#### Sinopsis Projek

Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS (PKKSSAAS) merupakan suatu tempat di mana sentiasa menjadi tumpuan orang berkepentingan seperti pelajar, badan kerajaan dan swasta, orang awam untuk menjalankan majlis rasmi mahupun tidak rasmi.

Permasalahan yang sering terjadi apabila majlis berlangsung di mana penggunaan penghawa dingin di surau kompleks bangunan PKKSSAAS tidak dimatikan oleh pengguna. Pengguna yang meninggalkan surau setelah digunakan tanpa mematikan penghawa dingin boleh mengakibatkan

berlakunya pembaziran tenaga elektrik dan terdedah kepada risiko kebakaran. Pelbagai kaedah telah digunakan untuk memberi peringatan berkenaan ini, antaranya ialah dengan menampal notis pemberitahuan agar pengguna mematikan penghawa dingin setelah digunakan, namun perkara ini masih berlaku.

Oleh yang demikian, mengambil kira dan mengenal pasti masalah ini, kami pasukan PKKSSAAS telah mengadakan beberapa sesi perbincangan untuk mencapai satu keputusan bagi penghasilan inovasi yang dapat membantu menyelesaikan masalah pengguna yang tidak mematikan alat penghawa dingin.

#### Impak Pelaksanaan

- i. Memastikan setiap penggunaan alat penghawa dingin dapat dimatikan mengikut masa yang telah diprogramkan;
- ii. Mengurangkan berlakunya pembaziran tenaga elektrik dan risiko kebakaran;
- iii. Mengoptimumkan penggunaan penghawa dingin di surau; dan
- iv. Mengawal penggunaan secara automatik.

### 4. TAJUK PROJEK: AIRCON S.O.S

**PTJ:** Putra Science Park, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Nama Kumpulan:** Putranovasi

**Nama Ahli Kumpulan:**

Asrizam Esam (Ketua)  
Muhammad Izzat Nor Adzmi  
Mohammad Hisham Omar  
Mohd Ganny Kamaldin



### Sinopsis Projek

Aircon S.O.S adalah inovasi alat untuk menadah air yang bocor daripada kotak pam saluran air pendingin hawa jenis Acson *easi flo* daripada membasahi dinding yang akan merosakkan dinding dalam jangka masa yang lama. Aircon S.O.S dibina menggunakan bahan terpakai sedia ada (dengan ciri-cirinya yang bersifat ringan, mudah alih, mudah digunakan, kos rendah, mudah diduplikasi dan memerlukan seorang pekerja untuk mengendalikannya).

Dengan penggunaan Aircon S.O.S, pekerja akan dapat menggunakan pendingin hawa yang bocor tanpa masalah air menitis dan merosakkan peralatan/perabot untuk memastikan mereka dapat bekerja dalam keadaan yang selesa sepanjang masa.

### Impak Pelaksanaan

- i. Pendingin hawa masih terus digunakan dengan penambahan penggunaan Aircon S.O.S tanpa sebarang kesan kerosakan pada alat dan kesihatan;
- ii. Suhu bilik yang sesuai dan selesa untuk bekerja/bermesyuarat dapat dikekalkan apabila pendingin hawa boleh terus digunakan dengan penambahan penggunaan Aircon S.O.S untuk menahan kebocoran;
- iii. Kaedah pemasangan mudah. Memerlukan seorang pekerja pengendali bagi kaedah pemasangan yang mudah; dan
- iv. Duplikasi mudah dilaksanakan. Kos yang rendah dan menggunakan bahan yang murah dan terpakai memudahkan Aircon S.O.S untuk diduplikasi bagi kegunaan yang lebih meluas di jabatan lain.

## 5. TAJUK PROJEK: SMART PLUCKER

**PTJ:** Fakulti Ekologi Manusia

**Nama Kumpulan:** ECOFUTÉ

**Nama Ahli Kumpulan:**

Najimuddin Zakaria (Ketua)  
Muhammad Fadir Abu Bakar  
Mohd Saifuddin Abu Bakar  
Mohd Fadliey Arshad  
Mohd Taufik Mohd Ayub  
Rozlita Puasa  
Suzelin Samsi  
Nurul Azra Ab. Malik  
Norazmah Mohmed  
Nurdiyana Mohd Kamal  
Nur Syazwani Othman

### Sinopsis Projek

SMART PLUCKER (SP) merupakan satu produk inovasi yang dicipta untuk memudahkan kerja penyelenggaraan mentol *downlight* yang kebiasaannya dipasang melebihi ketinggian 8 kaki di Fakulti Ekologi Manusia (FEM). Inisiatif ini diambil untuk membantu memudahkan pekerja di FEM membuat penukaran mentol tanpa perlu menggunakan tangga.

SP ialah produk yang ringan, mesra pengguna, fleksibel dan selamat untuk digunakan. Ia berfungsi dengan menggunakan langkah ATR (*A- aim, T- twist, R- replace*) yang sesuai digunakan oleh semua pekerja FEM lelaki ataupun perempuan.





### Impak Pelaksanaan

- i. Menjimatkan masa penukaran lampu;
- ii. Mengurangkan tenaga kerja teknikal di PTJ;
- iii. Mengurangkan kos upah daripada luar;
- iv. Penukaran lampu tidak perlu menggunakan tangga;
- v. Risiko kecederaan semasa menukar lampu dapat dielakkan; dan
- vi. Kerja penukaran lampu boleh dibuat oleh lelaki dan perempuan.

## 6. TAJUK PROJEK: FINANCIAL MANAGEMENT SELF ASSESSMENT (FaMeS)

**PTJ:** Bahagian Audit Dalam

**Nama Kumpulan:** The Core

**Nama Ahli Kumpulan:**

Shahrul Azman Ramli (Ketua)

Mohd Azis Abdullah

Mohd Faiz Suparman

### Sinopsis Projek

Pelan Strategik UPM 2014-2020 menekankan kepentingan tadbir urus yang baik untuk memastikan matlamat Pelan Strategik yang telah ditetapkan dapat dicapai dengan tadbir urus dan pengurusan sumber yang cekap, berkesan dan mempunyai impak terhadap pencapaian universiti. Pengurusan kewangan merupakan salah satu komponen penting dalam tadbir urus sesebuah organisasi. Pengurusan kewangan yang dikendalikan dengan cekap, berkesan dan

teratur dapat membantu universiti mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

FaMeS merupakan *tools* penilaian sendiri yang boleh digunakan oleh semua PTJ UPM untuk menilai tahap pematuhan pengurusan kewangan di PTJ. Kriteria penilaian yang disediakan adalah mudah difahami dengan mengambil kira latar belakang pegawai yang akan melaksanakan penilaian sendiri yang tidak mempunyai asas pengauditan dan pengurusan kewangan.

### Impak Pelaksanaan

- i. Membantu PTJ dan universiti meningkatkan tahap penarafan indeks akauntabiliti pengurusan kewangan;
- ii. Penilaian sendiri yang dijalankan secara tidak langsung akan memberikan pengetahuan kepada pegawai berkaitan perkara yang perlu dipatuhi dalam pengurusan kewangan;
- iii. Penilaian sendiri yang dilaksanakan oleh pegawai boleh dijadikan sebagai salah satu bentuk latihan pengurusan kewangan dan diambil kira sebagai latihan pekerja; dan
- iv. PTJ akan mengetahui tahap pengurusan kewangan di PTJ masing-masing.



## 7. TAJUK PROJEK: SISTEM PENGURUSAN IDEA-IDEA INOVASI (BANK IDEA)

**PTJ:** Pusat Pembanguann Maklumat dan Komunikasi (iDEC)

**Nama Kumpulan:** iFORCE

**Nama Ahli Kumpulan:**

Mohd Rizal Mohd Khanafie (Ketua)  
Aidah Ngatiman  
Huda Khairuddin  
Rosnizah Mohamad Basri  
Zanariyah Tohari

### Sinopsis Projek

Tujuan utama dibangunkan BANK IDEA adalah untuk mendapatkan idea kreatif bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan iDEC juga dapat menggalakkan pekerja iDEC memberikan idea kreatif serta menjadi pusat sehenti untuk mengumpul dan menguruskan idea kreatif. Sistem ini diintegrasikan dengan UPM-ID bagi tujuan kawalan capaian dan memudahkan pekerja menghantar idea. Idea yang dihantar akan dimasukkan ke dalam pangkalan data berserta maklumat pekerja dan tarikh idea dihantar. Idea yang telah dihantar secara automatik didaftarkan atas nama pemberi idea dan tarikh penerimaan oleh sistem sebagai bukti bahawa idea itu telah dihantar dan diterima. Selain sebagai tempat pengumpulan idea kreatif, BANK IDEA ini juga boleh digunakan sebagai tempat rujukan dan carian idea kreatif yang telah dihantar. Pekerja boleh membuat carian idea dengan lebih mudah berdasarkan kata kunci. Pihak pengurusan juga turut melihat idea yang

dihantar untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Sistem ini juga telah tersedia dengan modul pertandingan di mana ia boleh dijadikan sebagai platform pertandingan yang melibatkan idea kreatif seperti pertandingan mereka tema dan pertandingan idea inovasi perkhidmatan. BANK IDEA ini boleh diperluaskan penggunaannya kepada semua PTJ dalam UPM telah beroperasi sepenuhnya di <http://bankidea.upm.edu.my>.

### Impak Pelaksanaan

- i. Menggalakkan pekerja untuk menyumbangkan idea kreatif bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan;
- ii. Membantu pihak pengurusan iDEC untuk mengenal pasti idea yang boleh diketengahkan untuk dijadikan inovasi dalam perkhidmatan serta meningkatkan produktiviti iDEC;
- iii. Meningkatkan penyertaan dalam pertandingan Inovasi. Pelaksanaan BANK IDEA ini telah terbukti berjaya dalam menggalakkan pekerja iDEC menyertai pertandingan Idea Inovasi. Pada 2015, tiada penyertaan daripada pekerja iDEC manakala tahun 2016 sebanyak 18 penyertaan telah dihantar; dan
- iv. Memudahkan pekerja untuk meluahkan idea secara *online*. Sistem beroperasi 24 jam membolehkan pekerja menghantar idea secara *online* pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.



## 8. TAJUK PROJEK: GBox

**PTJ:** Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM  
Kampus Bintulu

**Nama Kumpulan:** Putra Mansang

**Nama Ahli Kumpulan:**

Sudirman Asmadi (Ketua)  
Mohammad Omar  
Dr. Zaidi Suif  
Nathuhain Ibrahim

### Sinopsis Projek

Dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kaedah tanaman, beberapa peralatan dan inovasi telah dihasilkan. Ini termasuk juga penggunaan pelbagai jenis peti tanaman dalam membantu teknik pertanian moden dan juga hiasan laman. Peti tanaman bukan asing lagi digunakan dalam pelbagai keperluan seperti tapak semaian, penanaman pelbagai sayur-sayuran dan pokok buah-buahan. Ia juga telah digunakan secara meluas terutamanya bagi pertanian bandar. Ini kerana kaedah penanaman tidak memerlukan kawasan yang luas walaupun di kawasan lantai konkrit. Oleh itu, fakulti cuba mengenal pasti peti tanaman yang boleh menjadi inovasi pertanian yang boleh digunakan dengan mudah terutamanya kaedah yang mudah alih dan seterusnya menyelesaikan masalah penggunaan peti tanaman untuk kegunaan hiasan laman semasa membuat promosi universiti.

### Impak Pelaksanaan

- i. Sebagai salah satu peralatan mudah alih penyediaan tapak tanaman terutamanya bagi pertanian bandar sebagai antara peralatan baharu yang boleh digunakan;
- ii. Sebagai peralatan peti tanaman yang boleh dibawa dan dipasang secara mudah alih terutamanya bagi aktiviti promosi universiti; dan

- iii. Sebagai kaedah sumber pendapatan universiti melalui penjualan set GBox kepada peminat dan pengusaha tanaman di kawasan bandar.

## 9. TAJUK PROJEK: MELABOKS (MELA-BOX)

**PTJ:** Bahagian Audit Dalam

**Nama Kumpulan:** 3 DEES

**Nama Ahli Kumpulan:**

Marziati Md. Din (Ketua)  
Nor Anidah Rosli  
Noraini Nordin

### Sinopsis Projek

Surat merupakan salah satu cara perhubungan yang penting di antara satu PTJ dengan PTJ yang lain dan orang ramai. Surat disediakan bagi tujuan antaranya untuk menyampaikan atau mendapatkan maklumat, berita, arahan, keputusan dan idea baru.

Dengan perubahan teknologi semasa, penyampaian maklumat telah dibuat melalui e-mel, sistem pesanan ringkas dan aplikasi telefon bimbit. Walau bagaimanapun, kita masih lagi menyediakan surat sebagai saluran maklumat untuk simpanan rekod dan rujukan di PTJ. Surat juga merupakan sumber bukti bertulis terutama ia adalah berkaitan dengan maklum balas audit daripada pihak auditi.

Melaboks (Mela – Box) merupakan kemudahan tempat letak surat yang disediakan pada setiap bilik pegawai.



### Impak Pelaksanaan

- i. Pelaksanaan tempat letak surat Melaboks ini didapati dapat menyelesaikan masalah surat kotor dan surat lambat diterima oleh pegawai yang berkenaan; dan
- ii. Melaboks didapati dapat bertahan lama dan kurang penyelenggaraan diperlukan.

## 10. TAJUK PROJEK: SISTEM PENGURUSAN PENYELIDIK BERSEKUTU INSPEM (I-ARMS)

**PTJ:** Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM)

**Nama Kumpulan:** INS- $\pi$  (sebutan: ins-pi)

### Nama Ahli Kumpulan:

Mohd Rohaizat Abdul Wahab (Ketua)  
Nur Sumirah Mohd Dom  
Nurul Hidayah Samadi  
Zahari Mahad  
Noor Izzati Buharan Nordin  
Muhammad Firdaus Abdul Rahim  
Norazlida Aminuddin

### Sinopsis Projek

Sistem I-ARMS ini dibangunkan bagi menambah baik proses permohonan Penyelidik Bersekutu di INSPEM. Penyelidik Bersekutu merupakan ahli akademik di fakulti yang dilantik oleh institut untuk menyumbang secara aktif dalam kegiatan penyelidikan, penyeliaan pelajar siswazah, menjalinkan kerjasama dengan industri dan masyarakat serta membantu institut untuk mencapai KPI yang ditetapkan oleh universiti. Dengan adanya sistem ini, ia akan menyelesaikan masalah permohonan secara manual dan kesukaran mengakses maklumat Penyelidik Bersekutu.

### Impak Pelaksanaan

- i. Sistem ini merupakan sistem yang pertama dibangunkan bagi menguruskan permohonan Penyelidik Bersekutu INSPEM. Projek ini akan memberi kesan positif kepada kelancaran proses permohonan Penyelidik Bersekutu. Ia mesra pengguna, mudah dan sistematik;
- ii. Sistem ini dapat menyimpan maklumat permohonan dan juga vitae kurikulum setiap Penyelidik Bersekutu mengikut tempoh lantikan. Ia boleh dikembangkan lagi pada masa akan datang bagi pengurusan permohonan Saintis Pelawat dan dijadikan pangkalan data maklumat penyelidik INSPEM. Sistem ini juga memberikan penambahbaikan yang wustu (optimum) kepada INSPEM di mana ia menjimatkan penggunaan kertas, tenaga, masa dan tempoh proses permohonan dibuat; dan
- iii. Dengan adanya sistem ini, ia dapat melancarkan proses permohonan Penyelidik Bersekutu dan juga memudahkan capaian maklumat berkaitan.



## 11. TAJUK PROJEK: UPM Where to Go

